

RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN

NO. RAYUAN TRK (K) 12-2014

FAKTA KES

1. Perayu adalah pemilik kereta terpakai jenis Mitsubishi Lancer 2.0 GLS bernombor pendaftaran WVQ 8665. Perayu telah membeli kereta WVQ 8665 pada 23 April 2012 daripada syarikat menjual kereta terpakai A-Z Auto Service di Serdang, Selangor.
2. Pada 9 Januari 2014, Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) telah menuntut duti import, duti eksais dan cukai jualan atas kereta WVQ 8665 sebanyak RM39,584.07 daripada Perayu di bawah seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967. Amaun tersebut merangkumi duti import 30% sebanyak RM7,544.61, duti eksais 80% sebanyak RM26,154.66 dan cukai jualan 10% sebanyak RM5,884.80. Tuntutan ini dibuat kerana kereta WVQ 8665 yang didaftarkan di Pulau Langkawi pada 13 November 2005 telah dibawa keluar dari Pulau Langkawi tanpa dibayar duti import, duti eksais dan cukai jualan.
3. Pada 27 Januari 2014 Perayu telah membuat rayuan kepada JKDM supaya menangguhkan pembayaran amaun yang dituntut sehingga penyiasatan lanjut dijalankan ke atas kes ini. Pada 19 Mei 2014 JKDM telah memaklumkan kepada Perayu bahawa amaun tuntutan telah dikurangkan kepada RM27,259.73.
4. Perayu terkilan dengan keputusan JKDM dan berpendapat adalah tidak adil untuk meletakkan tanggungjawab membayar duti import, duti eksais dan cukai jualan kepada Perayu. Ini adalah kerana Perayu tidak mengetahui kereta WVQ 8665 adalah kereta yang didaftarkan di Pulau Langkawi di mana duti import, duti eksais dan cukai jualan belum dibayar. Perayu tidak menghadapi sebarang masalah semasa urusan tukar hak milik di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)

dan kereta dibeli pada harga pasaran semasa. Selain itu, mengikut Kad Pendaftaran Kenderaan, pemilik pertama kereta WVQ 8665 ialah Md Nen bin Sudin, pemilik kedua ialah Mohd Iqbal bin Yahya dan pemilik ketiga ialah Perayu. Fakta menunjukkan Mohd Iqbal bin Yahya telah membeli kereta WVQ 8665 tanpa mengetahui kereta WVQ 8665 adalah kereta yang didaftarkan di Pulau Langkawi. Syarikat Sanyu Auto Sdn. Bhd. yang menjual kereta WVQ 8665 kepada Mohd Iqbal bin Yahya juga tidak memaklumkan bahawa kereta WVQ 8665 adalah kereta yang didaftarkan di Pulau Langkawi dan duti import, duti eksais dan cukai jualan belum dibayar.

5. Perayu telah memfailkan Notis Rayuan di Tribunal Rayuan Kastam pada 18 September 2014. Sebagai remedi, Perayu memohon supaya JKDM menuntut amaun di atas daripada orang yang sebenarnya bertanggungjawab untuk membayar duti import, duti eksais dan cukai berkeenaan.

ISU

1. Sama ada keputusan JKDM, WPKL bertarikh 19 Mei 2014 adalah keputusan Ketua Pengarah Kastam seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 143 Akta Kastam 1967.
2. Sama ada JKDM berhak menuntut duti import, duti eksais dan cukai jualan daripada Perayu.

(Rayuan ini ditetapkan untuk sebutan pada 16 Februari 2015. Pada tarikh tersebut Responden hadir tetapi Perayu tidak hadir. Di atas ketidakhadiran Perayu, Responden memohon supaya Tribunal menolak rayuan Perayu berdasarkan kuasa yang diberi di bawah peraturan 9(1), Peraturan-Peraturan Kastam (Tribunal Rayuan) 2007)

KEPUTUSAN

Rayuan ditolak.

18 Mac 2015